

Alor Setar

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Kedah merampas 719,250 unit peranti dan cecair vape tak berkastam bernilai hampir RM13 juta dengan anggaran duit dan cukai melebihi RM3 juta selepas menyertu sebuah gudang di Kawasan Industri Padang Besar, Perlis, 13 Oktober lalu.

Pengarah Kastam Negeri Wan Marini Wan Hamzah berkata, bertindak atas maklumat risikan, serbuan dilakukan pada jam 3 petang oleh Cawangan Penguatkuasaan Bukit Kayu Hitam.

Beliau berkata, pemeriksaan lanjut mendapati orang yang disyaki (OYDS) gagal mengemukakan permit import sah daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) (Program Perkhidmatan Farmasi) bagi 211,050 peranti dan 508,200 cecair vape pelbagai jenama dengan nilai keseluruhan rampasan termasuk duit serta cukai dianggarkan RM16 juta.

"Cecair vape adalah barang kawalan import yang tertakluk di bawah Bahagian I, Jadual Kedua, Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2023 dan memerlukan kelulusan KKM sebelum boleh dibawa masuk ke dalam negara.

"Vape ini dipercayai dari China dan berkemungkinan



WAN Marini menunjukkan peranti dan cecair vape yang dirampas di sebuah gudang penyimpanan di Kawasan Industri Padang Besar, Perlis. - Gambar NSTP/ZULIATY ZULKIFFLI

IkRAR sikit, rupanya banyak!

JKDM Kedah rampas peranti, cecair vape tak berkastam bernilai hampir RM13 juta

nan besar menggunakan laluan udara di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) sebelum dipindahkan ke gudang berkenaan.

"Kita masih dalam siasatan untuk tentukan pemilik gudang serta individu tertentu yang terabit dan siasatan masih dijalankan," katanya pada sidang media

di Pejabat JKDM Kedah di sini, semalam.

Wan Marini berkata, pihaknya percaya barangan terabit adalah untuk pasaran di negara ini dan tidak mengemungkin ia hendak diseludup ke negara

turut menahan seorang lelaki iaitu penjaga gudang itu yang berusia 40-an untuk membantu siasatan," katanya.

Katanya lagi, modus operandi yang dilakukan sindiket terabit adalah dengan melakukan ikrar tidak betul iaitu dengan mengikrarkan kuantiti yang sedikit, tetapi sebenarnya

barang yang banyak.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 135 (1) (g) Akta Kastam 1967 kerana disyaki mengelak pembayaran duit dan cukai secara *fraud* serta melanggar peraturan larangan import.

Katanya, ini adalah rampasan terbesar sepanjang tiga tahun dilakukan Kastam Kedah.

Seorang lelaki iaitu penjaga gudang berusia 40-an ditahan bantu siasatan

Kastam Perlis.
"Kita